

Headline  
Date  
Media Title  
Section  
Circulation  
Readership

Petani siswazah memanfaatkan ilmu

26. Sep 2008  
Utusan Malaysia  
Supplement  
238082  
833287

Language MALAY  
Page No 9a  
Article Size 404 cm2  
Frequency Daily  
Color Full Color  
AdValue 5691.73



# Petani siswazah manfaatkan ilmu

**KEBANYAKAN** pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang mengambil jurusan pertanian memilih untuk tidak menjadikan bidang tersebut sebagai kerjaya mereka.

Ini kerana, selain menganggap bidang tersebut tidak menguntungkan, kebanyakan mereka juga lebih berminat untuk bekerja makan gaji di sektor awam atau swasta.

Namun bagi Zulfa Zam Zam, 33, setelah menamatkan pengajian dalam bidang Kejuruteraan Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1999, beliau berhasrat untuk mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam kerjayanya.

Pada peringkat awal, beliau memilih untuk bekerja dengan sebuah syarikat penanaman kelapa sawit dan setelah setahun bertugas di sana, beliau akhirnya mengambil keputusan untuk melibatkan diri secara serius dalam bidang pertanian.

Berbekalkan serba sedikit pengetahuan mengenai pertanian dan ditambah dengan minat yang mendalam dalam bidang perniagaan, beliau berharap kerjaya tersebut mampu memberikan pulangan lumayan kepadanya.

Untuk tujuan itu, Zulfa telah menyertai Kursus Inkubator Usahawan Tani yang dianjurkan oleh Jabatan Pertanian.

"Melalui kursus berkenaan, para peserta di ajar mengenai teknik tanaman fertisasi dari segi teori dan praktikal.

"Selain kemahiran, pengetahuan tentang teknik yang betul juga amat penting bagi memastikan tanaman dapat pengeluaran hasil yang berkualiti," katanya ketika di temui di ladang tanamannya di Kompleks Jabatan Pertanian Serdang

baru-baru ini.

Selepas lapan bulan menjalani kursus tersebut, Zulfa memulakan projek tanaman melon pada tahun 2005 di bawah program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).

Penanaman sayur tersebut dijalankan di tapak khas yang disediakan oleh pihak Jabatan Pertanian.

Selain tapak, peserta yang baru memulakan penanaman juga diberi bantuan sebanyak 3,000 polibeg, anak benih, baja dan juga racun serangga.

"Pada peringkat awal, saya berhadapan dengan pelbagai masalah seperti penyakit pokok, kekurangan pengetahuan tentang tumbuhan tersebut dan juga serangan serangga perosak.

"Pokok melon ini juga sebenarnya merupakan tumbuhan yang sensitif dan memerlukan penjagaan yang menyeluruh," jelasnya.

Untuk tujuan mengelakkan pokok-pokok tersebut daripada diserang serangga, beliau mengambil keputusan untuk memasang net penghalang pada keseluruhan kawasan tanamannya.

Dalam pada itu, bagi menambahkan pengetahuan tentang sifat tumbuhan berkenaan pula, Zulfa banyak menjalankan perbincangan dengan pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan juga profesor-profesor dari UPM.

Kebiasaannya, pokok melon mengambil masa lebih kurang 90 hari untuk menghasilkan buahnya.

Untuk tempoh itu, pelbagai proses penjagaan dan pemantauan dijalankan untuk memastikan pokok-pokoknya sihat.

"Antara kerja teknikal yang dijalankan

adalah seperti pembajaan, memastikan air yang cukup dibekalkan kepada tumbuhan, menyembur racun perosak dan mengikat dahan pokok agar pokok dapat menjalar dengan baik.

"Kesemua proses ini secara tidak langsung dapat meningkatkan produktiviti penghasilan buah yang baik," katanya.

Dari segi tenaga kerja pula, beliau mengusahakan ladang melonnyanya bersama seorang teman selain dibantu oleh beberapa kakitangan yang bertugas secara sambilan.

Menurut Zulfa, setiap sesi tanaman biasanya dapat menghasilkan lebih kurang dua tan buah melon.

Hasil tersebut kemudiannya akan dijual kepada pemborong, pengusaha pasar raya besar serta hotel dari sekitar Lembah Klang dan Kuala Lumpur.


Selain itu, beliau juga memiliki tapak pasar tani sendiri yang terletak di Melawati untuk tujuan menjual hasil tanamannya secara terus kepada pembeli.

Dalam tempoh setahun, terdapat tiga sesi penanaman melon yang akan diselenggarakan dengan tanaman sampingan lain seperti cili merah dan juga tomato ceri.

Setiap kali sebelum memulakan sesi penanaman baru, Zulfa akan mendapatkan bekalan benih dan baja terlebih dahulu yang kebiasaannya di beli di Rawang dan juga Meru.

Setelah lebih tiga tahun terlibat dalam penanaman melon, beliau kini semakin bijak mengatur strategi tanaman mengikut kesesuaian musim dan juga cuaca.

Baginya, selain pengetahuan, pengurusan yang bijak juga amatlah diperlukan untuk maju dalam bidang pertanian.



ZULFA Zam Zam menunjukkan tanamannya yang menggunakan sistem fertisasi di Serdang, Selangor.

